

KAJIAN FONOLOGI KESALAHAN BUNYI DALAM BAHASA KANAK-KANAK

(A Phonological Study of Sound Errors in Children's Utterances)

Noor Shahirah Mohamad Rodzi & Sharifah Raihan Syed Jaafar

ABSTRAK

Dalam proses pemerolehan bahasa pertama, kanak-kanak sering melakukan kesalahan bunyi semasa bertutur. Kajian ini dijalankan untuk melihat kesalahan bunyi bahasa kanak-kanak. Untuk tujuan ini, seramai sepuluh orang kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan tiga hingga lima tahun telah diperhatikan percakapan mereka melalui aktiviti seperti bermain dan bercakap bersama rakan. Kanak-kanak ini juga diminta menyebut nama haiwan pada gambar yang ditunjukkan. Data menunjukkan bahawa fenomena fonologi penggantian dan pengguguran konsonan berlaku ke atas sebutan kanak-kanak ini. Hasil analisis menunjukkan kanak-kanak ini paling sukar menghasilkan bunyi /r/ dan /s/ kerana kedua-dua konsonan telah digantikan masing-masing dengan konsonan [ɣ], [w] atau [l] dan [ʃ] atau [tʃ]. Selain itu, bunyi konsonan sengau /m/, /n/ dan [ŋ] digugurkan terus kerana sukar bagi kanak-kanak ini untuk menghasilkan bunyi tersebut. Kesimpulannya, kanak-kanak pada lingkungan usia ini berpotensi melakukan kesalahan beberapa bunyi ketika bercakap. Dalam kajian ini, kesalahan bunyi sesuatu konsonan itu telah sama ada digantikan dengan satu konsonan lain atau pun digugurkan sahaja konsonan tersebut.

Kata kunci: pemerolehan bahasa; kesalahan bunyi; fonologi; penggantian konsonan; pengguguran konsonan.

ABSTRACT

In the first language acquisition, children always produce sound errors in their utterance. This study was done to investigate sound errors in children's language. In order to do this, ten children who aged between three and five years old were observed their utterances through activities such as playing and conversation with their friends. The children were also asked to name all the animals in the pictures showed to them. The data show that the phonological phenomena named consonant substitution and deletion occurred in the children's utterances. The results from the analysis show that the children have most difficulties to produce consonants /r/ and /s/ as these consonants have been substituted to [ɣ], [w] or [l] and [ʃ] or [tʃ], respectively. Besides that, nasal consonants such as [m], [n] and [ŋ] are deleted as these sounds are quite difficult to produce by the children. In conclusion, the output of this study might be able to provide knowledge and understanding related to sound errors in children's language particularly the issues of consonants substitution and deletion occurred in children's language.

Key words: language acquisition; speech errors; phonology; consonant substitution and consonant deletion.

PENGENALAN

Keupayaan bertutur manusia berlaku secara berperingkat bermula daripada peringkat bayi ke peringkat kanak-kanak dan sehinggalah ke peringkat dewasa. Keupayaan mengembangkan bahasa berlaku pada kanak-kanak yang mempunyai fungsi otak yang normal tanpa mengira bangsa, kebudayaan, atau kecerdikan menyeluruh (Vijayaletchumy, 2000). Tay Meng Guat (2006) menyatakan bahawa pemerolehan bahasa merupakan satu proses perkembangan bahasa manusia dan lazimnya pemerolehan bahasa pertama dikaitkan dengan perkembangan bahasa kanak-kanak, iaitu pemerolehan bahasa kanak-kanak mengikut pada bahasa yang dituturkan oleh kedua orang tua mereka. Maka sekiranya ibu bapa mereka bertutur dalam bahasa Melayu, maka bahasa pertama yang akan diperolehi oleh kanak-kanak tersebut ialah bahasa Melayu. Bahasa pertama inilah yang digunakan oleh kanak-kanak ketika mereka dalam proses untuk mendapatkan kemahiran berbahasa pada peringkat fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis.

Ketika proses pemerolehan bahasa pertama, kanak-kanak akan berusaha untuk memahirkan diri mereka dalam empat peringkat ilmu bahasa, iaitu fonologi, morfologi, semantik dan sintaksis. Namun begitu, peringkat fonologi merupakan peringkat yang sering kali menimbulkan masalah pada kanak-kanak, iaitu pada sebutan mereka. Masalah penyebutan dalam kalangan kanak-kanak ini disebut juga sebagai pelat. Kesalahan yang sering dilihat berlaku dalam penyebutan kanak-kanak adalah kesalahan dalam menyebut beberapa jenis konsonan. Kesalahan penyebutan ini akan menyebabkan pertuturan mereka menjadi sukar untuk difahami oleh orang lain ataupun rakan seusia mereka.

KAJIAN LEPAS

Bidang fonologi merupakan suatu bidang yang mengkaji sesuatu bahasa, iaitu rumus-rumus yang menentukan sebutan (Ahmad Hamid Mahmood, 2007). Penguasaan pemerolehan sistem fonologi bermula semasa kanak-kanak dalam lingkungan umur tiga hingga lima tahun, iaitu pada masa kanak-kanak mampu menyebut perkataan yang pertama untuk berkomunikasi. Menurut Noor Hasnoor Mohamad Nor (2002), pada peringkat pemerolehan fonologi, kanak-kanak mengalami beberapa kesukaran ketika menyebut perkataan. Namun begitu, perkara ini adalah sesuatu yang normal kerana mereka masih lagi dalam proses melatih organ ujaran. Kesukaran ini beransur hilang apabila kanak-kanak semakin membesar dan mula berinteraksi serta mendapatkan pendidikan formal. Sekiranya kesukaran sebutan tidak dapat dilenyapkan pada peringkat usia yang lebih dewasa, maka individu itu dianggap “pelat” berbahasa.

Dr. Sean Pert (2016) dalam penulisannya menyebut bahawa masalah penghasilan bunyi adalah masalah yang menjejaskan keupayaan kanak-kanak untuk menghasilkan bunyi yang boleh difahami oleh individu lain. Seorang kanak-kanak dengan masalah ini mungkin mengalami kesukaran fizikal menghasilkan ujaran atau lebih tepat lagi mereka menghasilkan bunyi sendiri tetapi tidak menghasilkan bunyi tersebut di tempat yang betul. Gangguan artikulasi berlaku disebabkan oleh mana-mana bahagian artikulasi yang hilang, rosak atau terjejas kerana kesukaran koordinasi otot atau kekuatan otot untuk menggerakkan alat-alat artikulasi. Kanak-kanak ini akan cuba menghasilkan bunyi dengan menghasilkan bunyi yang seakan-akan sama dengan bunyi asal. Apabila bunyi yang dihasilkan masih difahami dan memberi makna yang sama ia dikenali sebagai gangguan artikulasi. Namun, jika kanak-kanak menggantikan bunyi yang ada dengan bunyi yang lain yang boleh mengubah makna perkataan, maka ini adalah fonologi ralat. Crystal C. Randolph (2017) pula menyebut bahawa gangguan fonologi dianggap sebagai gangguan bunyi ujaran dan boleh ditakrifkan sebagai kemerosotan

pemahaman dan penggunaan sistem bunyi pertuturan dalam sesuatu bahasa. Gangguan fonologi merupakan salah satu daripada gangguan bunyi ujaran dan sering kali dikaitkan dengan ciri-ciri apraxia ujaran atau gangguan artikulasi. Masalah ini menyebabkan pembuangan dan penggantian dalam bunyi ujaran dihasilkan oleh penutur bahasa.

Kanak-kanak boleh melakukan kesalahan dalam menghasilkan bunyi bahasa ketika bertutur (Julie A. Adaymut, 2009). Contoh kesalahan bunyi bahasa yang boleh dilakukan oleh kanak-kanak ketika bertutur adalah penggantian (*substitutions*), pengguguran (*omissions/deletions*), herotan (*distortions*) dan penambahan (*additions*). Penggantian merupakan proses di mana sesuatu bunyi itu digantikan dengan satu bunyi yang lain. Seterusnya, pengguguran bunyi yang berlaku mendatangkan kesulitan kepada pendengar untuk memahami perkataan sebenar yang diujarkan oleh kanak-kanak. Manakala bagi herotan iaitu penghasilan bunyi dengan cara yang tidak dikenali. Cara penuturan jenis ini akan menghasilkan bunyi yang lain daripada bunyi yang sepatutnya dihasilkan. Jenis kesalahan artikulasi yang terakhir, iaitu penambahan merupakan proses di mana kanak-kanak menambahkan bunyi dalam menghasilkan sesuatu perkataan.

Rabia A. et al. (2014) menyatakan bahawa masalah artikulasi merupakan ketidakupayaan menghasilkan bunyi ujaran (fonem) yang betul. Perkara ini berlaku disebabkan oleh penempatan penghasilan bunyi yang tidak tepat, masa, tekanan, kelajuan, atau aliran pergerakan bibir, lidah atau tekak ketika menghasilkan sesuatu bunyi ujaran seperti bunyi vokal Badruzaman Abdul Hamid dan Ruby Izyan Atika Abu Bakar (2011). Kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak ketika menghasilkan sesuatu bunyi ujaran inilah yang disebut sebagai masalah artikulasi. Gangguan artikulasi berlaku disebabkan oleh kedua-dua faktor organik dan bukan organik. Faktor organik termasuk lidah kelu, masalah gigi, bibir sumbing, lelangit rekah dan lain-lain lagi. Manakala bagi faktor bukan organik pula termasuk pengaruh psikologi, pembelajaran yang salah dan lain-lain faktor. Ciri-ciri gangguan artikulasi termasuk melambatkan proses membebel, kurang kemahiran menggunakan vokal, berbahasa asing, masalah pertuturan, pertuturan perlahan dan tidak jelas.

Seterusnya, Anida Sarudin et al. (2016) dalam kajiannya yang bertujuan untuk mengenal pasti penguasaan komponen bahasa kanak-kanak merangkumi bidang fonologi, morfologi, sintaksis, semantik, dan pragmatik. Pada peringkat umur tiga hingga lima tahun, secara normalnya kanak-kanak sudah boleh menyebut perkataan dengan baik. Namun begitu, keputusan kajian ternyata tidak menunjukkan kemampuan responden dalam menguasai bidang fonologi khususnya kanak-kanak yang berumur tiga tahun. Hal ini kerana responden yang terlibat masih pelat dalam menyebut sesuatu perkataan dan perkataan yang diujarkan itu tidak jelas sebutannya. Contohnya apabila kanak-kanak menyebut [atik] bagi perkataan [adik], [atak] bagi perkataan [akak], [alam] bagi perkataan [dalam], dan menyebut [cuka] bagi perkataan [suka].

Sungguhpun terdapat kajian terdahulu yang mengkaji tentang masalah penyebutan dalam kalangan kanak-kanak, namun masih terdapat beberapa kekurangan yang telah dikenal pasti. Hasil daripada penelitian mendapati pengkaji terdahulu tidak menjelaskan secara terperinci mengapa dan bagaimana sesebuah perkataan itu disebut lain berbanding kata asalnya (merujuk kepada aspek fonetik artikulasi). Contoh yang diberikan juga tidak mencukupi bahkan tidak ramai pengkaji yang meneliti perbezaan penggunaan alat artikulasi dalam penyebutan kanak-kanak pelat ini. Oleh itu, tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti fenomena penggantian dan pengguguran konsonan yang sering berlaku dalam kalangan kanak-kanak pelat. Kemudian, menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah penyebutan dalam kalangan kanak-kanak pelat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian lapangan telah dijalankan bagi mengumpul data primer yang melibatkan seramai sepuluh orang responden yang terdiri daripada lima orang kanak-kanak lelaki dan perempuan. Mereka yang terlibat merupakan kanak-kanak pelat yang berusia dalam lingkungan tiga hingga lima tahun serta kajian yang dijalankan mengambil masa kira-kira sepuluh hingga lima belas minit bagi setiap orang responden.

Dalam kajian lapangan ini, terdapat tiga kaedah kajian digunakan, iaitu kaedah pemerhatian, kaedah lafaz dan kaedah rakaman. Dalam kaedah pemerhatian, aktiviti kanak-kanak seperti bermain dan bercakap bersama rakan-rakan mereka telah diperhatikan. Melalui kaedah pemerhatian kesalahan dalam penyebutan yang diujarkan oleh kanak-kanak tersebut dapat dikesan. Kaedah lafaz pula digunakan bertujuan untuk mendapatkan data. Data terarah merupakan data yang dirancang berdasarkan kehendak hasil kajian yang diperlukan. Kanak-kanak ditunjukkan dengan beberapa gambar. Seterusnya mereka dikehendaki memberitahu gambar tersebut. Kaedah rakaman pula dijalankan semasa kaedah lafaz dijalankan. Data yang dirakam boleh dimainkan semula berulang kali semasa kerja-kerja mentranskripsi. Kaedah transkripsi digunakan bagi mengubah bentuk data daripada bentuk lisan kepada bentuk tulisan agar mudah untuk memahami bunyi sebutan serta mengenal pasti masalah yang terdapat dalam penyebutan kanak-kanak pelat tersebut. Akhir sekali, data yang telah ditranskripsi dikelompokkan mengikut kesalahan penyebutan yang dilakukan seperti penggantian dan pengguguran konsonan.

HASIL KAJIAN

Penggantian Konsonan

Penggantian konsonan merupakan proses fonologi di mana bunyi sesuatu fonem konsonan itu digantikan dengan sesuatu fonem konsonan yang lain. Penggantian konsonan berlaku apabila kanak-kanak menggantikan bunyi konsonan dengan konsonan lain terutama apabila alat artikulasi mereka mengalami kesukaran untuk menghasilkan sesuatu bunyi konsonan. Kesukaran untuk menyebut menyebabkan kanak-kanak pelat ini cenderung untuk menggantikan bunyi tersebut dengan bunyi yang lebih mudah dihasilkan. Antara konsonan yang sering terlibat dalam fenomena penggantian ini ialah konsonan [r], [s], [d], dan [k]. Berikut merupakan jadual yang menunjukkan beberapa konsonan yang mengalami proses penggantian apabila kanak-kanak pelat tersebut bertutur.

Jadual 1: Konsonan-konsonan yang mengalami proses penggantian.

Konsonan Asal	[r]	[s]	[d]	[k]
Konsonan yang Digantikan	[y], [w] dan [l]	[ʃ] dan [tʃ]	[t]	[t]

Penggantian Konsonan [r]

Konsonan [r] merupakan konsonan getaran gigi-gusi bersuara. Bagi menghasilkan bunyi [r], hujung lidah digetarkan beberapa kali ke bahagian gigi-gusi. Udara dikeluarkan daripada paru-

paru melalui rongga mulut dengan menggetarkan hujung lidah kepada lelangit keras serta pita suara juga digetarkan. Dalam penyebutan konsonan ini, hujung lidah menjadi artikulator yang aktif sementara lelangit keras menjadi titik artikulasi pasif. Terdapat sebanyak tiga jenis penggantian konsonan [r] yang berlaku iaitu (a) konsonan [r] digantikan dengan konsonan [ɣ], (b) konsonan [r] digantikan dengan konsonan [w] dan (c) konsonan [r] digantikan dengan konsonan [l]. Berikut dibincangkan ketiga-tiga penggantian konsonan tersebut.

(a) Konsonan [r] digantikan dengan konsonan [ɣ]

Kanak-kanak yang menggantikan bunyi konsonan [r] kepada bunyi konsonan [ɣ] adalah disebabkan oleh kekeliruan penggunaan artikulasi ketika merealisasikan sesuatu ujaran. Dalam merealisasikan bunyi [r] dan bunyi [ɣ] hanya terdapat dua artikulasi yang penting, iaitu lidah dan lelangit. Namun begitu, ketika cuba untuk mengujarkan perkataan, kanak-kanak pelat melakukan kesilapan kerana menggunakan lelangit lembut berbanding menggunakan lelangit keras. Hal ini menyebabkan konsonan itu dihasilkan di titik artikulasi yang salah. Maka berlakulah bunyi geseran dan bukannya bunyi getaran seperti yang sepatutnya. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses penggantian konsonan [r] kepada konsonan [ɣ]:

Bunyi Konsonan Asal [r]		Bunyi Konsonan yang dihasilkan [ɣ]
(Konsonan getaran gigi-gusi bersuara)	→	(Konsonan geseran lelangit lembut bersuara)
[rambot]	→	[ɣambot]
[roti]	→	[ɣoti]
[feri]	→	[feyi]
[biru]	→	[biɣu]
[beruwa [Ⓢ]]	→	[bəɣuwa [Ⓢ]]

(b) Konsonan [r] digantikan dengan konsonan [w]

Seterusnya bagi penggantian konsonan [r] dengan konsonan [w], kanak-kanak melakukan kesilapan ketika menggunakan alat artikulasi dan menyebabkan bunyi yang dihasilkan adalah berbeza daripada bunyi yang sepatutnya dihasilkan. Kesalahan yang dilakukan ketika menghasilkan bunyi geratan [r] dalam penyebutan perkataan adalah apabila kanak-kanak pelat ini melibatkan dua bibir dalam penghasilan bunyi ujaran. Selain itu, hujung lidah yang sepatutnya hanya digetarkan dan dikenakan pada gusi tetapi digantikan dengan belakang lidah dinaikkan ke lelangit lembut menyebabkan terhasilnya bunyi separuh vokal [w]. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses penggantian konsonan [r] kepada konsonan [w]:

Bunyi Konsonan Asal [r]		Bunyi Konsonan yang dihasilkan [w]
(Konsonan getaran gigi-gusi bersuara)	→	konsonan separuh vokal dua bibir bersuara)
[rama-rama]	→	[wama-wama]

[rumah]			[wumah]
[lori]	→		[lowi]
[Kəretə]	→		[kəwetə]
[merah]	→		[mewah]

(c) Konsonan [r] digantikan dengan konsonan [l]

Penggantian penyebutan bunyi konsonan [r] kepada konsonan [l] pula berlaku disebabkan oleh kanak-kanak pelat melakukan kesilapan ketika udara daripada paru-paru dikeluarkan melalui rongga mulut. Untuk menghasilkan bunyi [r], bahagian hujung lidah seharusnya digetarkan kepada gusi, tetapi kanak-kanak pelat ini membiarkan udara yang keluar melalui rongga mulut keluar melalui tepian lidah yang menyebabkan terhasilnya bunyi sisian dan bukannya bunyi getaran. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses penggantian konsonan [r] kepada konsonan [l]:

Bunyi Konsonan Asal [r]		Bunyi Konsonan yang dihasilkan [l]
(Konsonan getaran gigi-gusi bersuara)	→	(Konsonan sisian gusi bersuara)
[rumah]	→	[lumah]
[rantaj]	→	[lantaj]
[buro ^ʁ]	→	[bulo ^ʁ]
[merah]	→	[melah]
[bəros]	→	[bəlos]

Penggantian Konsonan [s]

Konsonan [s] merupakan konsonan geseran gigi-gusi tak bersuara. Bunyi konsonan [s] ini dihasilkan dengan mendekatkan hujung lidah ke daerah gigi-gusi lalu menghasilkan sempitan pada udara yang keluar daripada rongga mulut. Lelangit lembut dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak. Udara dikeluarkan daripada paru-paru melalui rongga tekak dan dibiarkan bergeser di daerah gigi-gusi yang membuat sempitan dengan lidah tanpa menggetarkan pita suara. Maka dengan itu terhasillah bunyi konsonan geseran gigi-gusi tak bersuara. Namun begitu, bagi kanak-kanak pelat yang tidak mampu menghasilkan bunyi konsonan [s], mereka menggantikan konsonan tersebut dengan bunyi yang lain. Terdapat dua jenis penggantian yang berlaku bagi konsonan [s], iaitu (a) konsonan [s] digantikan dengan konsonan [ʃ] dan (b) konsonan [s] digantikan dengan konsonan [tʃ].

(a) Konsonan [s] digantikan dengan konsonan [ʃ]

Penghasilan bunyi geseran lelangit keras tak bersuara [ʃ] ini berlaku apabila lidah dirapatkan ke bahagian antara gusi dan lelangit keras lalu menghasilkan sempitan. Lelangit lembut dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak. Kemudian, udara dikeluarkan daripada paru-paru dan dibiarkan bergeser di daerah sempitan lidah dan gusi-lelangit keras tanpa mengetarkan pita suara. Masalah penggantian bunyi [s] menjadi bunyi konsonan [ʃ] berlaku disebabkan oleh

kekeliruan yang berlaku ketika meletakkan kedudukan lidah di tempat yang salah. Untuk menghasilkan bunyi [s], lidah didekatkan kepada gusi untuk menghasilkan sempitan, tetapi bagi kanak-kanak pelat mereka meletakkan lidah rapat kepada bahagian antara gusi dan langit keras dan udara bergeser di kawasan sempitan lidah dan gusi-langit keras lalu menghasilkan bunyi [ʃ]. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses penggantian konsonan [s] kepada konsonan [ʃ]:

Bunyi Konsonan Asal [s]		Bunyi Konsonan yang dihasilkan [ʃ]
(Konsonan geseran gigi-gusi tak bersuara)	→	(Konsonan geseran langit keras tidak bersuara)
[susu]	→	[ʃuʃu]
[soto [Ⓢ]]	→	[ʃoto [Ⓢ]]
[pisaw]	→	[piʃaw]
[gase [Ⓢ]]	→	[gaʃe [Ⓢ]]
[panas]	→	[panaʃ]

(b) Konsonan [s] digantikan dengan konsonan [ʃ].

Bunyi konsonan [ʃ] terhasil apabila lidah dirapatkan ke daerah langit keras-gusi dan langit lembut dinaikkan ke belakang rongga tekak. Kemudian, udara dikeluarkan daripada paru-paru melalui rongga mulut dan dibiarkan tersekat di bahagian pertemuan di antara depan lidah dan langit keras-gusi lalu sekatan udara tadinya dilepaskan secara perlahan-lahan tanpa menggetarkan pita suara lalu terhasillah bunyi konsonan [ʃ]. Penggantian konsonan ini berlaku kerana berlakunya kesilapan ketika kanak-kanak meletakkan kedudukan lidah. Untuk menghasilkan bunyi [s], lidah didekatkan ke gusi untuk menghasilkan sempitan, tetapi bagi kanak-kanak pelat mereka menemukan lidah dengan langit keras-gusi. Kesalahan menggunakan titik artikulasi ini menyebabkan bunyi geseran gusi [s] yang sepatutnya dihasilkan digantikan dengan bunyi letusan langit keras-gusi [ʃ]. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses penggantian konsonan [s] kepada konsonan [ʃ]:

Bunyi Konsonan Asal [s]		Bunyi Konsonan yang dihasilkan [ʃ]
(Konsonan geseran gigi-gusi tak bersuara)	→	(Konsonan geseran langit keras tidak bersuara)
[sipot]	→	[ʃiʃot]
[susu]	→	[ʃuʃu]
[kərusi]	→	[kəruʃi]
[kasot]	→	[kaʃot]
[tisuw]	→	[tiʃuw]

Penggantian Konsonan [d] dengan Konsonan [t]

Konsonan [d] adalah daripada kumpulan konsonan letupan yang juga dikenali sebagai plosif. BM tergolong dalam kelompok bahasa di dunia yang memiliki sistem bunyi plosif SVL vs. VLd, sama seperti yang diperlihatkan oleh sesetengah bahasa seperti bahasa Sepanyol, Polish, Finnish, dan Perancis. Hakikat ini juga ternyata membezakan BM (serta lain-lain bahasa yang sekelompok dengannya dari aspek realisasi fonetik bunyi plosif; sistem SVL vs. VLd) dengan

bahasa-bahasa lain di dunia, misalnya bahasa Inggeris, yang merupakan bahasa bersistem LVL vs. SVL (Shahidi & Zulkifley, 2012).

Konsonan letupan ini dihasilkan di bahagian gusi. Bagi menghasilkan bunyi letupan gusi bersuara [d] ini, lidah akan menyekat aliran udara dengan membuat sekatan sepenuhnya di bahagian gigi-gusi. Kemudian, udara yang disekat dilepaskan serta-merta sehingga terdengar bunyi ‘pop’. Bunyi yang dihasilkan dengan cara ini adalah bunyi letupan gusi bersuara [d]. Kanak-kanak pelat melakukan kesilapan ketika menghasilkan bunyi letupan ini disebabkan oleh kaedah penghasilan kedua-dua konsonan [d] dan konsonan [t] adalah sama, namun begitu tatkala melepaskan sekatan udara, pita suara digetarkan menyebabkan bunyi yang terhasil adalah bunyi letupan gusi tak bersuara [t]. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses penggantian konsonan [d] kepada konsonan [t]:

Bunyi Konsonan Asal [d]	→	Bunyi Konsonan yang dihasilkan [t]
(Konsonan letupan gusi bersuara)		(Konsonan letupan gusi tak bersuara)
[uda ^h]	→	[uta ^h]
[kudə]	→	[kutə]
[badaʔ]	→	[bataʔ]
[bədəʔ]	→	[bətaʔ]
[hido ^h]	→	[ito ^h]

Penggantian Konsonan [k] dengan Konsonan [t]

Konsonan [k] salah satu fonem daripada kumpulan konsonan letupan. Konsonan ini dihasilkan di bahagian langit lembut. Bunyi letupan langit lembut tak bersuara ini dihasilkan dengan cara langit lembut dinaikkan rapat ke belakang rongga tekak dan kemudian dinaikkan pula belakang lidah ke langit lembut supaya udara daripada paru-paru tersekat pada bahagian belakangnya. Seterusnya, sekatan udara dilepaskan dengan serta-merta tanpa menggetarkan pita suara dan menghasilkan bunyi letupan langit lembut tak bersuara [k]. Kesukaran untuk menghasilkan bunyi konsonan ini menyebabkan kanak-kanak pelat menggantikannya dengan bunyi letupan gusi tak bersuara [t]. Penggantian berlaku apabila kanak-kanak pelat menyekat aliran udara dengan membuat sekatan sepenuhnya di bahagian gigi-gusi dan kemudiannya, udara yang disekat dilepaskan serta-merta. Seharusnya kanak-kanak pelat ini menyekat aliran udara di bahagian langit lembut dan bukannya di bahagian gigi-gusi sehingga menyebabkan terhasilnya bunyi [t]. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses penggantian konsonan [k] kepada konsonan [t]:

Bunyi Konsonan Asal [k]	→	Bunyi Konsonan yang dihasilkan [t]
(Konsonan letupan langit lembut tak bersuara)		(Konsonan letupan gusi tak bersuara)
[kipas]	→	[tipas]
[kaju]	→	[taju]
[kuku]	→	[tutu]
[buku]	→	[butu]
[makan]	→	[matan]

Masalah penggantian ini berlaku adalah disebabkan kekeliruan atau kesalahan penggunaan alat artikulasi yang sebenar dalam proses pengujaran bunyi konsonan. Kadang kala terdapat juga kanak-kanak yang tidak mampu untuk mencapai titik artikulasi ketika mengujarkan sesuatu bunyi dan menyebabkan bunyi yang dihasilkan kedengaran berbeza dengan bunyi asal. Kanak-kanak perlu dilatih berulang kali untuk mahir menggunakan alat artikulasi dengan betul agar kesalahan seperti ini (pelat) dapat dikurangkan dan diperbaiki.

Pengguguran Konsonan

Pengguguran konsonan merujuk kepada pembuangan atau penghilangan sesuatu bunyi dalam sesebuah ujaran. Apabila kanak-kanak mengalami kesukaran untuk menghasilkan sesuatu bunyi tersebut, mereka akan memilih untuk menggugurkannya. Dengan kata lain, mereka memilih untuk tidak menghasilkan bunyi tersebut. Bunyi konsonan yang mengalami proses pengguguran dalam kajian ini adalah konsonan sengauan. Konsonan sengauan merujuk kepada bunyi-bunyi sengau yang dihasilkan dengan membiarkan udara yang keluar daripada paru-paru terus keluar melalui rongga hidung. Udara boleh keluar melalui rongga ini kerana anak tekak dan lelangit lembut diturunkan menyebabkan ruang ke rongga hidung terbuka. Udara itu disekat atau ditahan pada bahagian-bahagian tertentu, seperti pada bibir, gusi, lelangit keras atau lelangit lembut. Berikut merupakan konsonan sengau yang mengalami pengguguran:

Jadual 2: Konsonan sengauan yang mengalami pengguguran.

Konsonan yang mengalami pengguguran	sengau dua bibir bersuara [m]	sengau gusi bersuara [n]	sengau lelangit lembut bersuara [ŋ]
-------------------------------------	-------------------------------	--------------------------	-------------------------------------

Bunyi konsonan sengau dua bibir [m] dihasilkan dengan cara bibir bawah dirapatkan dengan bibir atas. Kemudiannya, lelangit lembut diturunkan agar udara dapat melalui rongga hidung dan rongga mulut. Udara yang dihasilkan oleh paru-paru akan melalui rongga mulut dan disekat oleh bibir dan pita suara digetarkan lalu menghasilkan bunyi sengau. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses pengguguran konsonan sengau:

Bunyi Asal		Bunyi dihasilkan
[təmbikaj]	→	[təbikaj]
[rambutan]	→	[rabutan]
[səmbilan]	→	[səbilan]
[kambeŋ]	→	[kabeŋ]
[kumbaŋ]	→	[kubaŋ]

Manakala bagi konsonan sengau gusi [n], bunyi ini dihasilkan apabila hujung lidah dirapatkan kepada gusi. Lelangit lembut diturunkan untuk udara dapat melalui rongga hidung dan rongga mulut. Udara yang dihasilkan oleh paru-paru akan melalui rongga hidung dan rongga mulut manakala pita suara digetarkan lalu terhasillah bunyi konsonan sengau gusi bersuara [n]. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses pengguguran:

Bunyi Asal		Bunyi dihasilkan
[kuntʃi]	→	[kufʃi]
[kanʃel]	→	[kaʃel]
[landaʔ]	→	[ladaʔ]
[gunteʃ]	→	[gutin]
[hantu]	→	[hatu]

Seterusnya, bagi menghasilkan bunyi konsonan sengau langit lembut [ʃ], bahagian belakang lidah diangkat dan dirapatkan dengan langit lembut. Langit lembut diturunkan supaya udara dapat melalui rongga hidung dan rongga mulut. Udara yang dihasilkan oleh paru-paru akan melalui rongga hidung serta rongga mulut dan pita suara digetarkan lalu menghasilkan bunyi konsonan sengau langit lembut [ʃ]. Berikut merupakan contoh perkataan yang mengalami proses pengguguran:

Bunyi Asal		Bunyi dihasilkan
[kuneʃ]	→	[kunin]
[maʃges]	→	[mages]
[kufʃeʃ]	→	[kufʃin]
[panʃeʃ]	→	[panʃeʃ]
[dageʃ]	→	[dagin]

Kebanyakan bunyi sengau yang mengalami proses pengguguran adalah konsonan sengauan yang berada bersebelahan dengan bunyi konsonan letupan. Kesukaran ini menyebabkan kanak-kanak tidak mahu menghasilkan bunyi dan lebih memilih untuk menggugurkan bunyi tersebut ketika proses penyebutan sesuatu ujaran. Perkara ini amatlah membimbangkan kerana tanpa sesuatu bunyi maka sesebuah ujaran akan terdengar pelik dan sukar untuk difahami.

Berdasarkan data-data yang telah dihuraikan di atas menunjukkan bahawa wujudnya masalah penyebutan yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak pelat. Ini selaras dengan dapatan daripada pengkaji lepas iaitu Noor Hasnoor Mohamad Nor (2002) yang menyatakan bahawa pada peringkat pemerolehan fonologi, kanak-kanak mengalami beberapa kesukaran ketika menyebut perkataan apabila mereka berada dalam lingkungan umur tiga hingga lima tahun. Walaupun ini merupakan sesuatu yang dianggap normal dalam perkembangan fonologi kanak-kanak, namun kajian ini telah membincangkan kesukaran sebutan yang dihadapi oleh kanak-kanak dengan menumpukan fonem atau konsonan apakah yang sukar atau tidak berjaya disebut dengan baik oleh mereka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati kanak-kanak pelat paling sukar untuk menghasilkan bunyi [r] kerana fonem ini mengalami penggantian yang paling banyak berbanding bunyi-bunyi konsonan lain, iaitu dengan menggantikannya kepada bunyi [ɣ], [w] atau [l]. Manakala bunyi [s] pula digantikan dengan bunyi [ʃ] atau [tʃ]. Bunyi [d] dan [k] pula digantikan dengan bunyi [t]. Selain itu, bunyi konsonan sengau [m], [n] dan [ʃ] digugurkan terus kerana sukar bagi kanak-kanak ini untuk menghasilkan bunyi tersebut. Masalah penyebutan kanak-kanak pelat seharusnya diberi perhatian kerana perkara ini bukan sahaja menyukarkan proses

komunikasi bahkan ia boleh menyebabkan kanak-kanak ini sukar untuk bergaul dengan kanak-kanak lain dan berasa malu untuk berkomunikasi.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 2007. *Linguistik Fonetik & Fonologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Aslita Sdn.Bhd.
- Anida Sarudin, Dahlia Janan, Zulkifli Osman, Ahmad Khair Mohd Noor. 2016. *Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-Kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang*. Jabatan Bahasa Dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Crystal C. Randolph. 2017. *Overview of Phonological Disorders: The Language-Based Speech Sound*. Communication Sciences and Disorders. Valdosta State University. USA.
- Graham R. Danie. Sharynne McLeod. 2017. Children with Speech Sound Disorders at School: Challenges for Children, Parents and Teachers. *Australian Journal of Teacher Education*, 42(2).
- Julie A. Adaymut. 2009. *Type Of Articulation Errors – A Simple Guide*. Super Duper Publication.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor. 2002. *Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak Melayu: Satu Kajian Kes*. Universiti Putra Malaysia.
- Rabia A, Sikander GK, Manzoor MT, Ibrahim M, Sadia T, Dan Safa P. 2014. *Prevalance Of Articulation Disorder In School Going Children Between Ages of 8 To 12 Years*. Lahore Campus.
- Shahidi A.H, Rahim Aman dan Zulkifley Hamid. 2012. Kajian Akustik Realisasi Kontras Penyuaran Bunyi Plosif Bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 745 Volume 12(2).
- Tay Meng Guat. 2006. Pemerolehan Bahasa Kanak-Kanak: Satu Analisis Sintaksis. *Jurnal penyelidikan IPBL* 7:87-108.
- Vijayaletchumy. 2000. *Pemerolehan Bahasa di Kalangan Kanak-Kanak Melayu*. Masters thesis, Universiti Putra Malaysia.

Noor Shahirah Mohamad Rodzi
Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
shera_rodzi@yahoo.com

Sharifah Raihan Syed Jaafar, (Phd)
Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya,
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia
s_raihan@ukm.edu.my